

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 10 DISEMBER 2021
(JUMAAT)**



Kerjasama rentas kementerian tangani kos sara hidup - NACCOL

Oleh Saadiah Ismail - Disember 10, 2021 @ 8:18pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Foto fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan menggembungkan tenaga bersama beberapa kementerian lain yang berkaitan bagi memastikan usaha menangani isu sara hidup rakyat ini akan terus diperbaiki.

Pengarah Sekretariat NACCOL, Atan Sapian, berkata menerusi Mesyuarat Khas NACCOL yang dilaksanakan turut membincangkan lapan kertas pembentangan merangkumi perspektif makro seperti senario permintaan di peringkat dunia dan domestik dalam sektor tenaga, bahan mentah bagi sektor pertanian dan pembinaan, jaringan logistik terutamanya peningkatan dalam kos perkapalan serta sektor guna tenaga dalam sektor perlادangan dan pertanian.

Katanya, Mesyuarat khas itu juga bersetuju supaya 41 inisiatif dengan peruntukan RM14.32 bilion di bawah Bajet 2022 dipantau dan dilaporkan terus kepada NACCOL di peringkat Eksekutif yang dipengerusikan oleh Menteri KPDNHEP dan peringkat NACCOL yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

"Justeru tindakan perlu dilakukan segera oleh setiap kementerian dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan selain tindakan sederhana dan jangka panjang yang turut diperhalusi.

"Ketua Setiausaha KPDNHEP juga akan segera mengadakan mesyuarat peringkat teknikal bagi membincangkan isu-isu kos sara hidup membabitkan rentas agensi," katanya kepada BH, di sini, hari ini.

Semalam, Mesyuarat Khas NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersetuju lima tindakan dilaksanakan antaranya pemanjangan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak sehingga Mac 2022 dengan kos sebanyak RM150 juta dan pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) sebanyak RM100 juta di 222 kawasan Parlimen sehingga Mac 2022.

Mengulas lanjut, beliau berkata NACCOL juga akan melihat semula semua rantaian termasuk bahan-bahan yang diimport, produktiviti ladang, skala ekonomi, simpanan stok, kos logistik seperti pengangkutan, guna tenaga terutama pekerja asing dan sokongan fiskal iaitu pinjaman, moratorium, struktur cukai dan nilai ringgit.

"Ia akan meliputi keseluruhan rantaian bekalan dari pengeluar kepada pemborong dan peruncit hingga kepada pengguna.

"Dalam masa yang sama, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga akan memainkan peranan dengan memperhebatkan penyelidikan dalam teknologi makanan dan pertanian sesuai dengan usaha digitalisasi kerajaan dan Revolusi Industri (IR4.0) ke arah pertumbuhan yang mampan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff menyifatkan lima tindakan dinyatakan itu bersifat jangka pendek namun mempunyai impak positif.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan perlu memikirkan untuk tempoh jangka masa panjang supaya perkara itu tidak berulang lagi.

"Langkah perlu diambil terutama di luar waktu perayaan, dan jika masalah rantaian bekalan ini berterusan, harga komoditi kekal tinggi atau situasi tidak menentu akibat varian baharu yang muncul, ini akan mengganggu langkah pemulihan.

"Justeru langkah seperti Dasar Agro Makanan 2.0 boleh terus dilaksanakan yang mana ia boleh mengurangkan kebergantungan makanan import dengan meningkatkan hasil pertanian negara.

"Pemantauan dan pelaporan itu juga boleh dijadikan sebagai budaya supaya ketirisian perbelanjaan dapat ditangani dan impak itu boleh dirasai untuk tempoh jangka masa panjang," katanya.

Bagi Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, tindakan itu disambut baik kerana ia secara tidak langsung dapat mengawal kos barang daripada terus meningkat.

Katanya, penguatkuasaan dan pemantauan perlu dilakukan secara berkala supaya peniaga dan pengguna itu sendiri dapat mengetahui apakah sebenarnya masalah yang berlaku.

"Perkara ini akan beri kesan kepada semua yang terbabit dalam rantaian makanan ini dan sebarang masalah dapat diperhalusi," katanya.